KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-234 7132
Laman Web :
http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor
e-mel : jpn.johor@moe.gov.my
Telefon : 07-2311480/481 Faks : 07-2380742

Ruj. Tuan : CNJ/A/I8:4 (01)2026
Ruj. Kami : JPNJ. 600-3/2/14 (**26**)
Tarikh : **28** Ogos 2026

Setiausaha Kehormat
Ibu Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Johor
No. 3, Jalan Bacang,Tarnpoi, 81200 Johor Bahru.

Tuan,

KEBENARAN MENJALANKAN KUIZ PERTOLONGAN CEMAS DALAM TALIAN UNTUK AHLI-AHLI JUNIOR DAN KADET BULAN SABIT MERAH MALAYSIA PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk dan surat daripada Ibu Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Johor bertarikh **10 Ogos 2026** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) telah menerima dan meneliti permohonan program di atas daripada Ibu Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Johor. Pihak JPNJ mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri Johor.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNJ mengambil maklum akan permohonan **Ibu Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Johor** serta **tiada halangan** bagi membenarkan **penglibatan murid-murid dari darjah 4 hingga tahun 6 serta murid-murid Tingkatan 1 hingga 6 yang berdaftar** dalam **Kuiz Pertolongan Cemas Dalam Talian untuk Ahli-Ahli Junior dan Kadet Bulan Sabit Merah Malaysia Peringkat Negeri Johor Tahun 2026** pada **15 September hingga 15 Oktober 2026.** Walau bagaimanapun, Pihak JPNJ ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi:

3.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil.7/1988** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan, atau Badan Induk Sukan;

3.2 **SPI KPM Bil.8/1995** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan, atau Badan Induk Sukan;

3.3 **SPI KPM BIL.8/2009** Langkah-langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;

...2/-

3.4 **SPI KPM Bil. 5/2018** Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;

3.5 **SPI KPM Bil.9/2023** Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023;

3.6 **Surat Siaran KPM Bil. 2/2010** Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar;

3.7 **Surat Siaran KPM Bil. 9 Tahun 2024** Pelaksanaan Surat Akuan Ibu Bapa/Penjaga Untuk Kebenaran Rakaman Gambar/Video/Audio Murid Serta Memuat Naik Ke Laman Media Sosial Bagi Program Anjuran Institusi Pendidikan Bawah KPM; dan

3.8 pihak penganjur perlu mematuhi surat JPNJ.800-5/1/2(15) - Aktiviti Lawatan Murid Sekolah-Sekolah Negeri Johor bertarikh 27 Mac 2023 yang menetapkan bahawa tiada sebarang aktiviti yang mendatangkan risiko keselamatan kepada murid seperti aktiviti di air, mendaki gunung, *jungle trekking* dan *night walk*.

4. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

4.1 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah berkenaan setelah mendapat maklum balas daripada JPNJ dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh melaksanakan program;

4.2 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat ;

4.3 penyertaan murid juga hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis daripada ibu bapa/ penjaga;

4.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapat kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;

4.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;

4.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)/ Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/ program/ aktiviti sekolah;

4.7 pihak penganjur perlu mengemukakan **deraf poster/ gegantung/ hebahan digital/ sijil** untuk semakan Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor sebelum diedarkan;

4.8 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;

4.9 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;

4.10 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;

4.11 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;

4.12 selaras dengan pelaksanaan Pendidikan Sivik yang sedang berkuatkuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak penganjur dimohon agar memastikan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/ semasa/ selepas program berlangsung;

4.13 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;

4.14 penggunaan logo JPN Johor tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPN Johor berserta dokumen lengkap kepada **Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Johor selepas mendapatkan maklum balas/ surat sokongan permohonan penganjuran program ini**;

4.15 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance)* dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain*);

4.16 bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program (Lampiran A)** yang dijalankan kepada **Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor tidak lebih 30 hari selepas tamat program**;

4.17 JPNJ berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan pada masa akan datang.; dan

4.18 pihak penganjur hendaklah menangguhkan program/ aktiviti dengan serta merta sekiranya keadaan murid atau peserta menampakkan tanda-tanda ketidakselesaan atau kelesuan dan menjejaskan kesejahteraan diri mereka. Program/ aktiviti juga akan dihentikan serta merta atau dibatalkan apabila keadaan cuaca yang boleh mengundang risiko kepada murid.

5. Maklum balas penganjuran program ini **hanya** untuk **Ibu Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Johor** yang akan menyertai **Kuiz Pertolongan Cemas Dalam Talian untuk Ahli-Ahli Junior dan Kadet Bulan Sabit Merah Malaysia Peringkat Negeri Johor Tahun 2026** pada **15 September hingga 15 Oktober 2026 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor.

6. Pihak tuan adalah dimohon untuk mengemukakan Surat Setuju Terima (rujuk Lampiran B) kepada pihak JPNJ dalam masa dua (2) minggu selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh berhubung dengan **Puan Siti Nor Haliza binti Abdul Rahim**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian **07-2311480** atau menerusi e-mel siti.norhaliza@moe.gov.my.
Kerjasama dan sokongan tuan dalam menjayakan program ini amat kami hargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k
1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
   Jabatan Pendidikan Negeri Johor

LAMPIRAN A

LAPORAN

_____(NAMA AKTIVITI) _____

1. **Nama Program/Aktiviti:**
2. **Tarikh Pelaksanaan:**
3. **Tempat Pelaksanaan:**
4. **Mod Pelaksanaan: Bersemuka/Dalam Talian/Hibrik**

5. Penyertaan (Jantina/Bangsa) (Boleh dilampirkan):

BIL	SEKOLAH	PPD	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LL	MURID	GURU
1										
2										
3										
4										
JUMLAH										

6. Rumusan Penyertaan (Sila lampirkan senarai nama peserta)

BIL	DAERAH	JUMLAH PENYERTAAN	% PENYERTAAN
1	Batu Pahat		
2	Johor Bahru		
3	Kluang		
4	Kota Tinggi		
5	Kulai		
6	Mersing		
7	Muar		
8	Pasir Gudang		
9	Pontian		
10	Segamat		
11	Tangkak		

7. Penyertaan Murid (Boleh dilampirkan):

BIL	NAMA MURID	SEKOLAH	PPD	NO. K/P
1				
2				

8. Pencapaian Individu Murid (Boleh dilampirkan):

BIL	NAMA MURID	SEKOLAH	PPD	NO. K/P	KATEGORI (Jika Ada)	PENCAPAIAN (Jika Ada)
1						
2						

9. Jadual Pengisian/ Pelaksanaan Aktiviti
10. Peruntukan/ Perbelanjaan Yang Diturunkan (*Jika Berkaitan)
11. Tetamu Kehormat (VIP) (*Jika Berkaitan)
12. Isu dan Cabaran
13. Cadangan Penambahbaikan
14. Gambar

Disediakan oleh:

Tarikh:

LAMPIRAN B

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami:
Tarikh:

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak,
80604 Johor Bahru,
Johor.
(U/P: Puan Siti Nor Haliza bt Abdul Rahim, Unit Pembangunan Bakat Murid)

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID DALAM _____

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) bernombor rujukan:_____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) _____ mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/ aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 4.1 hingga 4.18 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam (nama program) _____ mulai _____ hingga _____.

3. Pihak (nama agensi penganjur) _____ akan mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan kepada JPNJ tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak Tuan, boleh menghubungi (nama pegawai)_____ di talian (no.telefon bimbit)_____ atau e-mel _____. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


.....

(Nama)

Jawatan

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR PERMOHONAN PROGRAM PERINGKAT NEGERI



LAMPIRAN 2

BILANGAN PENYERTAAN BAGI PENGIKTIRAFAN PROGRAM PERINGKAT DAERAH, NEGERI, KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

BIL	PERINGKAT	PENYERTAAN	PERATUS PENYERTAAN (MURID)
1	Antarabangsa	Sekurang-kurangnya 3 negara termasuk Malaysia	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain Malaysia
2	Kebangsaan	Sekurang-kurangnya 3 negeri termasuk negeri penganjur	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain negeri penganjur
3	**Negeri**	**Sekurang-kurangnya 4 daerah termasuk daerah penganjur**	**Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain daerah penganjur**
4	Daerah	Sekurang-kurangnya 5 sekolah termasuk sekolah penganjur	Sekurang-kurangnya 25% penyertaan selain sekolah penganjur

LAMPIRAN 3

PAUTAN SURAT PEKELILING IKHTISAS DAN GARIS PANDUAN YANG BERKAITAN (PERKARA 3)



LAMPIRAN 5

SYARAT-SYARAT PENGIKTIRAFAN PROGRAM PERINGKAT NEGERI

BIL	PENGANJUR	SYARAT
1	Sekolah dan PPD	1. Melibatkan sekurang-kurangnya 4 buah daerah termasuk daerah tuan rumah (penganjur); 2. 25% jumlah penyertaan adalah terdiri daripada penyertaan daerah bukan tuan rumah (penganjur); dan 3. Membuat permohonan pengiktirafan dalam tempoh 30 hari selepas tamat program.
2	Agensi selain sekolah dan PPD	1. Melibatkan sekurang-kurangnya 4 buah daerah; 2. Jumlah penyertaan dari mana-mana satu daerah tidak melebihi 75%; *(Contoh Tidak Layak Pengiktirafan Peringkat Negeri: Kluang 76%, Tangkak 10%, Mersing 10%, Muar 4%, kerana penyertaan dari daerah Kluang melebihi 75%)* 3. Membuat permohonan pengiktirafan dalam tempoh 30 hari selepas tamat program.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM PERINGKAT NEGERI

BIL	DOKUMEN
1	Surat Permohonan Pengiktirafan
2	Laporan Program
3	Salinan Surat Kelulusan
4	Salinan Surat Setuju Terima

Permohonan pengiktirafan peringkat negeri dibuat selepas program perlu sampai ke Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNJ tidak lebih 30 hari selepas tamat program.

Permohonan dihantar ke:

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

(u.p: Unit Pembangunan Bakat Murid)

Alamat e-mel: jpn.johor@moe.gov.my